

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29/01/2018

Tun M didakwa ketepi Rukun Negara

BH- 29/1/2018 pg. 6

➔ Kesan pengabaian ketika jadi PM dirasai hingga kini

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Presiden Gerakan Keadilan Sedunia (JUST), Dr Chandra Muzaffar mendakwa Tun Dr Mahathir Mohamad mengetepikan Rukun Negara daripada dasar kebangsaan sejak berada di tampuk kuasa sebagai Perdana Menteri pada 1981.

Beliau yang juga antara bekas

pengasas PKR bersama Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyifatkan pengabaian berkenaan antara kegagalan pentadbiran bekas Perdana Menteri itu yang menyebabkan kesannya dirasai sehingga hari ini.

“Dr Mahathir mungkin menolak Rukun Negara kerana dia mahu menjadikan Malaysia mencapai status negara Islam tertentu (yang mungkin tidak selari dengan Rukun Negara).

“Sebab lain mungkin kerana jawatankuasa kecil yang bertanggungjawab menggubal Rukun Negara dipengerusikan oleh Tun Ghazali Shafie, yang kita tahu tidak memiliki hubungan yang baik dengan Dr Mahathir,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Chandra adalah antara individu yang memperjuangkan Rukun Negara untuk dijadikan mukadimah kepada Perlembagaan Persekutuan. Ia bagi mengatasi sikap eksklusif yang ditimbulkan beberapa

pihak hingga mengancam perpaduan negara, kesan pengabaian Rukun Negara.

Diisytihar pada 31 Ogos 1970

Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong Keempat, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibnu Almarhum Sultan Zainal Abidin, susulan perbincangan Majlis Perundingan Negara (MAPEN) yang diwujudkan Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein selepas tragedi rusuhan kaum 13 Mei 1969.

Raja-Raja Melayu dalam satu kenyataan pada 10 Oktober tahun lalu, menggesa Rukun Negara yang memiliki lima cita-cita dan lima prinsip, dijadikan kompas pedoman oleh semua pihak, sama ada pemimpin, pentadbir dan rakyat.

Chandra berkata, matlamat serta prinsip Rukun Negara sama sekali tidak bertentangan dengan Islam, seperti mana yang turut di-



Anwar yang sebahagian daripada Menteri Kabinet Dr Mahathir, juga tidak beri keutamaan serta tidak menyebut langsung mengenai Rukun Negara”

Chandra Muzaffar,
Presiden JUST

persetujui wakil PAS dalam MAPEN.

Katanya, tindakan Dr Mahathir mewujudkan Wawasan 2020 yang dilancarkan pada 1991 juga seolah-olah mahu menggantikan Rukun Negara kerana lima daripada sembilan cabaran yang digariskan sebenarnya adalah sebahagian daripada Rukun Negara.

“Malah, Anwar yang menjadi sebahagian daripada Menteri Kabinet Dr Mahathir, juga tidak memberi keutamaan serta tidak menyebut langsung mengenai Rukun Negara,” katanya.

Ditanya kesan Dr Mahathir mengabaikan Rukun Negara, Chandra berkata, kegagalan menjadikan ideologi kebangsaan yang dipersetujui segenap lapisan masyarakat itu sebagai kompas pedoman, menyebabkan Malaysia tiada hala tuju jelas dalam tempoh 22 tahun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri.